

**Dr Xavier Jayakumar (dua dari kanan) melihat pelan kajian tanah dan kerja pembaikan cerun dan sistem perparitan di Kampung Orang Asli Sungai Tiang, Lembah Bertam, Cameron Highlands.**



# Petugas khas atasi ceroboh tanah



Pasukan berkenaan memastikan cerun berbahaya tidak diteroka, penguatkuasaan lebih ketat oleh negeri, memastikan hanya tanah TOL dibenarkan untuk pertanian serta rancangan pembangunan pada masa depan”

**Dr Xavier Jayakumar,**  
Menteri Air, Tenaga dan Sumber Asli

➔ Skop tugas sedang dirangka, dibentangkan pada mesyuarat Majlis Kanun Tanah Negara, April depan

**Oleh Shamsul Kamal Amarudin dan Aizat Sharif**  
cnews@nstp.com.my

► Cameron Highlands

**K**erajaan mewujudkan pasukan petugas khas bagi menangani isu pencerobohan tanah, cerun bahaya serta penguatkuasaan berkaitan tanah di tanah tinggi di sini dan Lojing.

Pasukan itu membabitkan Pejabat Timbalan Perdana Menteri; Kementerian Air, Tenaga dan Sumber Asli; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta kerajaan Pahang dan Kelantan.

Menteri Air, Tenaga dan Sumber

Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata skop tugas pasukan berkenaan sedang dirangka dan dijangka dibentangkan pada mesyuarat Majlis Kanun Tanah Negara, April depan.

“Kita mahu melihat isu ini secara holistik dan melihat aspek kefahaman bagaimana program ini (aktiviti pertanian di tanah tinggi) ada kelulusan dan memastikan mereka (petani) bertanggungjawab,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas mendengar taklimat mengenai projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembah Bertam dan Sungai Ringlet di Ringlet, di sini semalam.

## Pastikan cerun tak diteroka

Dr Xavier berkata, pasukan berkenaan antara lain untuk memastikan kawasan cerun berbahaya tidak diteroka, penguatkuasaan lebih ketat oleh negeri, memastikan hanya tanah mendapat permit pendudukan sementara (TOL) dibenarkan untuk pertanian serta rancangan pembangunan pada masa depan.

“Ia juga akan memastikan pesalah yang melakukan pencerobohan tanah menerima hukuman berat,” katanya.

Di **Kangar**, Timbalan Presiden Pakatan Harapan, Mohamad Sabu, ber-

kata pihaknya yakin memenangi kerusi Parlimen Cameron Highlands.

Katanya, keyakinan itu dapat dilihat dengan peralihan undi daripada warga Orang Asli yang banyak menetap di kawasan tanah tinggi itu.

“Seperti kita ketahui, sebelum ini kerusi Parlimen Cameron Highlands adalah kubu kuat Barisan Nasional (BN) sejak bertahun lamanya.

“Ini disebabkan sentimen masyarakat Orang Asli yang 24 peratus di kawasan itu lazimnya menyokong kerajaan.

“Kini tiba masanya kita selaku kerajaan melaksanakan tanggungjawab kita memastikan sokongan masyarakat Orang Asli ini masih tetap bersama kerajaan baharu ini,” katanya pada Majlis Santai Petang Presiden AMANAH di sini, semalam.

Katanya, Pakatan Harapan perlu meneruskan momentum kemenangan dalam memastikan setiap masyarakat dari pelbagai latar budaya dan agama dapat menerima kemudahan dan bantuan daripada kerajaan.

Kemenangan calon BN, Datuk C Sivarraajh di kerusi Parlimen Cameron Highlands pada pilihan raya lalu diisytiharkan tidak sah oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) disebabkan wujudnya unsur rasuah.